

Projek mega beri faedah rakyat dalam jangka panjang

UM 22 JAN 2002

Oleh FAUZI JAAFAR dan FAUZIAH AROF

GELANG PATAH 21 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, setiap projek mega di negara ini bukan untuk memberikan keuntungan dalam masa yang singkat tetapi bagi faedah dan kepentingan rakyat dalam jangka masa panjang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan rela membelanjakan wang yang banyak untuk projek-projek besar yang tidak nampak keuntungannya pada mata kasar kerana memikirkannya ke atas pembangunan negara.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sambungan Rel Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini hari ini.

Perkara tersebut, jelas beliau, dapat dibuktikan dengan pembinaan Litar Antarabangsa FI di Sepang yang menyaksikan kerajaan membelanja besar iaitu sebanyak RM230 juta.

“Sehingga sekarang projek ini masih rugi tetapi pada masa yang sama kita dapat menarik pelancong yang ramai apabila setiap kali adanya perlumbaan FI di situ, dengan tidak kurang daripada 30,000 pelancong asing masuk ke negara ini.

“Ini menyumbang kepada industri penerbangan, perhotelan, makanan dan sebagainya. Inilah pemikiran kerajaan. Kita bersedia untuk membuat pelaburan walaupun tidak mendapat keuntungan secara terus,” katanya.

Kata beliau, perkara yang sama juga berlaku dalam projek Lebuh Raya Utara-Selatan yang telah

memberikan banyak keuntungan jangka panjang kenada penduduk.

Perdana Menteri memberitahu, lebuhraya berkenaan telah menyebabkan pertumbuhan banyak bandar baru di sepanjang laluan-punya yang memberikan peluang pekerjaan dan juga pembinaan kawasan perumahan.

Dengan perkembangan itu, Dr. Mahathir menjelaskan, bukanlah satu kebetulan pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat lebih pantas daripada negara membangun lain.

Tegas beliau, Malaysia mencapai peningkatan itu kerana menggunakan sepenuhnya kelebihan dan kewangan penuh berhemat di samping melibatkan sektor swasta bersama-sama.

Perdana Menteri berkata: “Walaupun terdapatnya kegagalan tetapi pada hakikat sebenarnya Malaysia

telah menunjukkan pencapaian begitu baik berbanding negara lain.”

Bercakap mengenai perkembangan PTP pula, beliau berkata, kerajaan akan melabur secara besar-besaran ke atas pembangunan kemudahan pelabuhan itu kerana ia akan meningkatkan ekonomi negara di masa akan datang.

“Kita akan berbelanja untuk mendalamkan lagi perairan PTP dan memajukan pelabuhan itu supaya ia dapat menangani pengendalian kargo yang banyak di masa depan,” katanya.

Beliau berkata, PTP telah menunjukkan perkembangan yang amat membebangunkan bukan sahaja kerana kemudahannya tetapi ditambah dengan sistem pengurusannya yang baik.